

45
NO. SOALAN: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 22 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10360

SOALAN:

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Zakir Naik berada di Malaysia dari permulaan tahun 2017 sehingga sekarang dan sebab-sebab beliau tidak dideportasi ke India.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana pelancong asing, ekspatriat dan pemastautin tetap, Zakir Naik juga dibenarkan masuk dan keluar dari Malaysia mengikut saluran sah selagi beliau mematuhi undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Beliau juga tidak tersenarai dalam *Database INTERPOL Red Notice*. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak menyekat dan menahannya dari berkunjung ke Malaysia.

Sehingga kini, Kerajaan tidak menerima sebarang permohonan rasmi daripada Kerajaan India terhadap Zakir Naik. Oleh yang demikian, tiada isu deportasi mahupun esktradisi Zakir Naik ke India.

Kerajaan hanya akan mempertimbangkan sebarang tindakan setelah menerima maklumat mengenai fakta-fakta kesalahan dan peruntukan undang-undang tentang kesalahan yang dilakukannya melalui permohonan rasmi ekstradisi daripada Kerajaan India selaras dengan kehendak Akta Ekstradisi 1992 [Akta 479].